

**TEKS UCAPAN
PROF. DR. UDA HASHIM
TIMBALAN NAIB CANSELOR(PENYELIDIKAN & INOVASI)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS USAHASAMA UniMAP DAN HONG LEONG YAMAHA MOTOR
PADA 9 MAC 2018**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Jim Khor, Pengarah Urusan Hong Leong Yamaha Motor (HLYM)

Yang Berusaha Mr Koh EC, Pengurus Besar Jualan Hong Leong Yamaha Motor,

Yang Berbahagia Prof Dato' Ir Haji Mohamad Dalib, Pengarah KA Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ),

Yang Berusaha Prof Madya Dr Shariman Abu Bakar, Pengurus Unit Penyelidikan Teknologi Sukan Permotoran (MoTECH) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP),

Seterusnya hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Azzawajalla kerana kita dapat bersama-sama dan bertemu di dalam majlis yang penuh bermakna pada pagi yang berbahagia ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan di atas kesudian pihak Hong Leong Yamaha Motor (HLYM) menyumbangkan motosikal keluaran Yamaha kepada UniMAP atas tujuan bagi menggiatkan usaha penyelidikan di bawah seliaan MoTECH UniMAP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

MoTECH

3. Pertama sekali, izinkan saya berkongsi serba sedikit mengenai MoTECH UniMAP. Untuk makluman semua, UniMAP mempunyai sebuah Litar GoKart yang siap dibina pada suku tahun ketiga 2013 dan mula beroperasi sejak penghujung 2013 hingga sekarang.
4. Litar sepanjang 1.2 kilometer itu dibina bersama khidmat nasihat Automobile Association Malaysia (AAM) dan telah berjaya menjadi hos bagi beberapa kejohanan gokart peringkat antarabangsa. Pengurusan litar itu telah dipertanggungjawabkan kepada MoTECH yang diuruskan oleh Prof. Madya Dr. Shariman.
5. Selain menguruskan litar berkenaan, MoTECH juga berperanan dan bertanggungjawab bagi menjalankan penyelidikan-penyelidikan berkaitan automotif dan sukan permotoran.

KURSUS SELIAAN MoTECH

6. Justeru, pihak UniMAP dan MoTECH khususnya, amat berbesar hati dan berbangga di atas sumbangan motosikal berkenaan sekaligus bertepatan dengan perancangan MoTECH iaitu untuk mengadakan siri kursus pemanduan yang mensasarkan pelbagai lapisan masyarakat.
7. Antara kursus pemanduan itu ialah, kursus keselamatan pemanduan yang disasarkan kepada pelajar sekolah, kursus pemanduan lanjutan (Advance & Defensive Driving Course) bagi pemandu-pemandu agensi kerajaan, kursus pemanduan selamat dan penyelenggaraan motosikal serta kursus-kursus automotif lain yang relevan dengan permintaan pasaran.
8. Selain sumbangan pihak HLYM sendiri, kursus-kursus ini tidak akan berjaya dilaksanakan tanpa kerjasama JPJ serta Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) bagi merealisasikan usaha untuk menambahkan kecekapan dan meningkatkan lagi kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan komuniti kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Untuk makluman semua juga, terkini MoTECH juga sedang giat merencanakan program-program automotif dengan kerjasama erat dari JPJ hasil dari pelantikan Dato' Ir. Haji Mohamad Dalib iaitu Ketua Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ sebagai Profesor Adjung di UniMAP.
10. Sehubungan itu, UniMAP berharap kerjasama-kerjasama yang terjalin, kedua-dua pihak dapat menjalankan projek-projek yang dapat member manfaat secara kolektif seiring menuju Revolusi

Industri 4.0. Malah, hari ini juga kita dapat menyaksikan satu lagi usahasama yang terjalin antara institusi pengajian tinggi bersama pihak pemain industry permotoran yang terkenal. Adalah diharapkan menerusi usahasama ini, UniMAP dan Yamaha dapat mencari serta mewujudkan peluang kolaborasi lebih jitu pada masa mendatang.

Hadirin hadirat sekalian,

PENUTUP

11. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya sekali lagi melahirkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan murni dari pihak Yamaha kepada UniMAP dalam memartabatkan penyelidikan sukan permotoran.
12. Saya percaya komitmen dan sokongan padu kedua-dua pihak dapat merealisasikan agenda sedia ada serta agenda telah dirancang bagi tahun 2018 ini dan seterusnya selari dengan hasrat UniMAP sebagai IPT yang menjurus kearah kejuruteraan dan Yamaha sebagai pelopor pengeluar motosikal di negara ini. Insyaa Allah.

Sekian, wabilahhitaufiq walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahiwabarakatuh.